

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Nama produk: Pembiayaan Ar-Rahnu 3.0

(Sila Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon pembiayaan Ar-Rahnu 3.0)

| | |
|---|---|
| 1 | <p>Apakah produk ini?</p> <p>Pembiayaan Ar-Rahnu 3.0 adalah produk pembiayaan yang membenarkan barang kemas dijadikan sebagai cagaran. Jumlah pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan adalah bergantung kepada peratusan yang ditentukan oleh CBP dan jenis barang kemas yang dicagarkan.</p> <p>Pembiayaan ini adalah patuh Syariah yang ditawarkan kepada individu bagi memenuhi keperluan wang tunai dengan segera.</p> |
| 2 | <p>Apakah Konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini?</p> <p>Konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini ialah:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ <i>Murabahah (Tawarruq)</i> ialah akad transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara <i>Murabahah</i> (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.▪ <i>Rahn</i> adalah mekanisme di mana satu barangan berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembiayaan secara bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya pembiayaan tersebut tidak dapat dijelaskan. |
| 3 | <p>Apakah kelebihan yang saya dapat dari produk ini?</p> <p>Kelebihan produk pembiayaan ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Pembiayaan yang berlandaskan Syariah;▪ Barang Gadaian adalah dijamin keselamatannya; dan▪ Kadar Keuntungan yang tetap (tidak berubah) sehingga Tempoh Matang. |
| 4 | <p>Adakah saya layak untuk memohon pembiayaan ini?</p> <p>Produk ini adalah terbuka kepada:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Penggadai / Pelanggan terdiri daripada individu Warganegara Malaysia, Bukan Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap▪ Berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun semasa tarikh permohonan dan mempunyai kad pengenalan atau passport dan visa yang sah, permit pekerjaan sekurang-kurangnya setahun serta masih bekerja di Malaysia.▪ Individu yang berkontrak hendaklah mempunyai akal fikiran yang waras, tidak mempunyai halangan undang-undang▪ Bebas daripada status kebangkrupan tidak disenaraihitam oleh CBP;▪ Mempunyai akaun simpanan CBP▪ Mempunyai alamat kediaman▪ Tertakluk kepada senarai hitam, penggadai yang mungkir hanya boleh membuat gadaian baru setelah menyelesaikan kemungkiran. |

| | | | | | | | | | | | |
|-------------------|---|--|--|-------------|-------|-----------------|-------|-------------------|-------|------------------|--------|
| 5 | <p>Berapakah jumlah pembiayaan yang akan saya perolehi?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelanggan akan memperolehi Jumlah Pembiayaan dalam bentuk wang tunai sehingga 80% daripada nilai Barang Gadaian. ▪ Jumlah Pembiayaan Terkumpul adalah sehingga RM350,000 bagi setiap Pelanggan dengan maksimum sehingga RM300,000 untuk transaksi harian. | | | | | | | | | | |
| 6 | <p>Berapakah Tempoh Pembiayaan?</p> <p>Tempoh gadaian adalah 12 bulan sehingga maksimum 18 bulan dalam satu surat gadaian (SAG)</p> | | | | | | | | | | |
| 7 | <p>Apakah jenis Barang Gadaian yang boleh diterima?</p> <p>Barang Kemas yang diperbuat daripada emas yang mempunyai mutu 999, 950, 916, 875, 835 dan 750.</p> | | | | | | | | | | |
| 8 | <p>Bagaimanakah cara Bayaran Pembiayaan boleh dilakukan?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Tamat Tempoh pada bulan ke-12</u> Sekiranya Pelanggan ingin menyambung gadaian bagi tempoh dua belas (12) bulan , pelanggan perlu membayar caj keuntungan dua belas (12) bulan dan akan dilanjutkan 6 bulan lagi (12+6) ▪ <u>Tamat Tempoh pada bulan ke-12</u> Jika Pelanggan ingin menyambung gadaian melebihi tempoh dua belas (12) bulan, Surat Gadaian baru dan akad baru MESTILAH dilakukan dengan urusan dagangan komoditi yang baru. Pelanggan mestilah menyelesaikan semua caj keuntungan bagi akad Ar-Rahnu yang terdahulu sebelum layak untuk memperbaharui Surat Gadaian. | | | | | | | | | | |
| 9 | <p>Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?</p> <p>*Tiada Fi dan Caj Yang Dikenakan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Fi Wakalah</u> Fi Wakalah adalah fi yang dikenakan kepada Pelanggan di mana ia merangkumi kos perlantikan CBP sebagai agen pedagang komoditi, kos pengurusan dan kos pengendalian cetakan kontrak serta perjanjian. <table border="1" data-bbox="304 1310 1018 1568"> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>RM100-RM999</td> <td>0.20%</td> </tr> <tr> <td>RM1,000-RM9,999</td> <td>0.15%</td> </tr> <tr> <td>RM10,000-RM24,999</td> <td>0.10%</td> </tr> <tr> <td>RM25,000 ke atas</td> <td>0.075%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota : Bermula 12 Disember 2023 yuran Fi Wakalah telah dikurangkan sehingga RM0.00 (0.00%)</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Caj Duti Setem</u> Dikenakan kepada Pelanggan sekiranya pembiayaan menjadi mungkir. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pihak CBP akan memaklumkan Pelanggan sekurang-kurangnya Empat Belas Hari (14) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan (jika berkenaan) sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Fi dan Caj yang berkaitan. | | | RM100-RM999 | 0.20% | RM1,000-RM9,999 | 0.15% | RM10,000-RM24,999 | 0.10% | RM25,000 ke atas | 0.075% |
| | | | | | | | | | | | |
| RM100-RM999 | 0.20% | | | | | | | | | | |
| RM1,000-RM9,999 | 0.15% | | | | | | | | | | |
| RM10,000-RM24,999 | 0.10% | | | | | | | | | | |
| RM25,000 ke atas | 0.075% | | | | | | | | | | |

| | |
|----|---|
| 10 | <p>Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p> <p>Jumlah Harga Jualan : RM</p> <p>Jumlah Pembiayaan : RM</p> <p>Margin Pembiayaan :</p> <p>Kadar Keuntungan Siling :% Setahun</p> <p>Kadar Keuntungan Efektif :% Setahun</p> <p>Tempoh Pembiayaan : Bulan</p> <p><u>Kadar Keuntungan Siling (KKS)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ditetapkan oleh CBP pada (1) kadar sahaja bagi pengiraan Harga Jualan Pembiayaan <p><u>Kadar Keuntungan Efektif (KKE)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ KKE adalah pada kadar semasa dan tidak melebihi KKS yang dikenakan dan dikira berdasarkan bulanan pada permulaan kontrak pembiayaan sebagai ketelusan. |
| 11 | <p>Berapakah jumlah Keuntungan Pembiayaan yang perlu dibayar oleh saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jumlah Keuntungan Pembiayaan: RM ▪ Pengiraan jumlah Keuntungan Pembiayaan adalah seperti berikut: $[(KKE \times \text{Jumlah Pembiayaan}) \times [\text{Bilangan Hari}/365 \text{ (bukan tahun lompat) atau } 366 \text{ (tahun lompat)}]$ |
| 12 | <p>Apakah tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar Keuntungan hendaklah dibayar sebelum/pada bulan ke-12 atau pada bulan ke-18 ▪ Jumlah Pembiayaan dan Kadar Keuntungan bagi bulan ke-18 hendaklah dibayar penuh pada/sebelum Tarikh Tamat sama ada membuat tebusan atau penukaran surat baharu. ▪ Jumlah Keuntungan 12 bulan perlu dibayar bagi lanjutan tempoh 6 bulan lagi. ▪ Jumlah Penyelesaian Pembiayaan adalah sebanyak RM..... |
| 13 | <p>Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan pembiayaan di dalam tempoh pembiayaan yang telah ditetapkan, CBP berhak untuk menjual/ melelong Barang Gadaian berkenaan mengikut prosedur penjualan/ pelelongan sebagaimana persetujuan yang telah diberikan oleh Pelanggan semasa membuat permohonan pembiayaan. ▪ Jumlah Kemungkinan akibat pelelongan adalah jumlah yang dikira berdasarkan kepada apa-apa jumlah yang terhutang oleh Pelanggan kepada CBP termasuk semua caj dan kos insidental seperti formula berikut: $\text{Jumlah mungkir} = (\text{Keuntungan Murabahah Efektif Terakru})^* + (\text{Kos Insidental Sebenar Lelongan})$ <p><i>*Jumlah mungkir keseluruhan tidak harus melebihi harga jualan.</i></p> |
| 14 | <p>Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum Tarikh Matang?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pihak CBP akan memberikan rebat kepada Pelanggan berdasarkan prinsip Syariah <i>Ibra'</i> bagi: <ul style="list-style-type: none"> i) sebarang penebusan awal/ penyelesaian awal; ii) perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang. |

| | |
|----|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Formula pengiraan <i>ibra'</i> secara am nya adalah seperti berikut: <i>ibra'</i> = Harga Jualan <i>Murabahah</i> – Jumlah Penebusan |
| 15 | <p>Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Perlindungan Takaful bagi Barang Gadaian</u> <ol style="list-style-type: none"> i) Barang Gadaian yang berada di dalam simpanan CBP (dalam Tempoh Pembiayaan) adalah dilindungi takaful melalui Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP. ii) Had perlindungan takaful adalah tertakluk kepada Nilai Barang Gadaian yang dinyatakan di dalam Surat Gadaian. ▪ <u>Perlindungan Takaful Kredit</u> <ol style="list-style-type: none"> i) Pelanggan digalakkan mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP atau Pengendali Takaful pilihan sendiri bagi menjamin jumlah keterhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan. ii) Pembayaran bagi Perlindungan Takaful Kredit adalah di bawah tanggungjawab Pelanggan. |
| 16 | <p>Apakah risiko yang terlibat?</p> <p>Jika Pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan, sila hubungi pihak CBP dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.</p> |
| 17 | <p>Adakah saya memerlukan penjamin?</p> <p>Tiada penjamin diperlukan.</p> |
| 18 | <p>Apakah perbezaan di antara produk Pembiayaan Ar-Rahnu 3.0 ini dengan produk Ar-Rahnu yang terdahulu (menggunakan Upah Simpan)?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Konsep Syariah yang digunapakai untuk produk Ar-Rahnu terdahulu ialah <i>Qard</i>, <i>Rahn</i>, <i>Wadiah Yad Dhamanah</i> dan <i>Ujrah</i>. Manakala produk Pembiayaan Ar-Rahnu 3.0 ini mengunapakai konsep Syariah <i>Murabahah (Tawarruq)</i> dan <i>Rahn</i>. ▪ Produk Ar-Rahnu yang terdahulu mengenakan Caj Upah Simpan bagi Nilai Barang Gadaian yang akan turut berubah mengikut kenaikan dan penurunan harga emas semasa. Pembiayaan Ar-Rahnu 3.0 sebaliknya mengenakan Kadar Keuntungan yang tidak terikat dengan harga emas semasa. |
| 19 | <p>Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi?</p> <p>Pelanggan hendaklah memaklumkan CBP mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan Pelanggan disampaikan dengan lebih berkesan.</p> |
| 20 | <p>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my |
| 21 | <p>Sebarang cadangan dan pertanyaan boleh disalurkan ke:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 dari hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang ▪ E-mel kepada ar-rahnu@cbp.com.my |
| 22 | <p>Untuk sebarang aduan, sila salurkan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hotline Aduan: 1-300-88-7650 ▪ Alamat Aduan: Jabatan Transformasi, Co-opbank Pertama, Tingkat 6, Wisma JCBNEXT, 27 Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur ▪ E-mel kepada info@cbp.com.my. |

| | | |
|--|---|---|
| | | <p>Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:</p> <p>Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Tingkat 10, Sunway Putra Tower, 100 Jalan Putra, 50350 K.Lumpur Laman web: www.skm.gov.my Tel: 03-40474000; Faks: 03-40474116; Atau</p> <p>Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = http://apponline.skm.gov.my</p> |
| 23 | <p>Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah:</p> <p>Pembiayaan Persendirian-<i>i</i> Lestari</p> | |
| <p>PENTING! CBP BERHAK UNTUK MELELONG BARANG GADAIAN PELANGGAN JIKA PELANGGAN GAGAL MEMBUAT BAYARAN KEUNTUNGAN DAN/ ATAU PEMBIAYAAN PADA AKHIR TEMPOH PEMBIAYAAN.</p> | | |

Saya/Kami dengan ini mengesahkan telah menerima dan memahami penjelasan yang diberikan.

.....
Nama Pelanggan:
No. Dokumen Pengenalan:

